

'Najib lantik kerana gaji saya kecil'


Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
dan **MOHD. FADHLI**
MOHD. SULAIMAN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: "Datuk Seri Najib Razak rasa gaji saya sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) kecil".

Itu kenyataan yang diberikan oleh bekas KSN, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan ketika membaca pernyataan saksinya dalam percabaran kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapi oleh bekas Perdana Menteri itu.

Sebabkan 'gaji kecil' itu, Mohd. Sidek dilantik oleh Najib selaku Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB ketika itu, menjadi sebahagian Ahli Lembaga Penasihat dalam syarikat pelaburan strategik negara itu.

"Saya beranggapan pelantikan saya dalam 1MDB hanyalah untuk menambah pendapatan saya sebagai KSN yang dianggap tidak setimpal oleh Datuk Seri Najib," kata Mohd Sidek yang merupakan saksi pendakwaan



MOHD. SIDEK HASSAN

ke-19.

Saksi itu berkata demikian dalam percabaran terhadap Najib, 68, yang menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Jelas Mohd. Sidek, sepan-

jang pelantikan bermula 30 Ogos 2010, beliau tidak pernah terlibat dalam sebarang mesyuarat atau perbincangan mengenai 1MDB atau pelaburan yang dibuat oleh entiti berkenaan.

Beliau juga tidak pernah dimaklumkan mengenai operasi 1MDB oleh pihak pengurusan.

Bagaimanapun, beliau mengesahkan menerima bayaran penasihat bulanan sebanyak RM30,000 sebulan bermula 1 Julai 2010 sehingga Disember 2012.

"Saya bersara daripada perkhidmatan awam pada 23 Jun 2012. Melalui surat 1MDB bertarikh 23 Oktober 2012, saya dimaklumkan bahawa perkhidmatan saya sebagai ahli Lembaga Penasihat 1MDB diteruskan dan dibayar fi bulanan berjumlah RM10,000 bermula Januari 2013.

"Surat 1MDB ini ditandatangani oleh Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi selaku Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB," katanya yang turut memberitahu bayaran bulanan fi RM10,000 diterima sehingga

Jun 2015.

Pada 2 Jun 2016, Mohd. Sidek yang pada ketika itu merupakan Pengerusi Petronas memberitahu, beliau menerima surat daripada Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy berhubung pembubaran Lembaga Penasihat tersebut.

"Melalui surat ini, saya tidak diberitahu akan sebab-sebab pembubaran Lembaga Penasihat 1MDB dan saya tidak tahu kenapa Lembaga Penasihat ini telah diputuskan untuk dibubarkan. Saya juga tidak ada tanya kepada Datuk Seri Najib mahupun kepada pihak 1MDB tentang kenapa Lembaga Penasihat ini dibubarkan," ujar Mohd Sidek.

Selain itu, saksi berkenaan juga menyatakan beliau tidak pernah bertanya kepada Najib atau mana-mana individu dalam 1MDB mengenai masalah yang berlaku dalam syarikat terbabit.

"Mengikut pemahaman saya, 1MDB ditubuhkan untuk dijadikan sebagai dana politik kepada

partai kerajaan pada ketika itu iaitu Barisan Nasional.

"Saya mendapat tahu isu-isu yang melanda 1MDB ini adalah melalui media massa dan bacaan di internet. Isu yang saya tahu berlaku dalam 1MDB adalah berkait dakwaan salah guna dana dan adanya penyiasatan oleh agensi tempatan ke atas 1MDB juga melalui pembacaan saya di surat khabar tempatan.

"Namun saya tidak pernah ditaklimat atau diberitahu secara lanjut butiran penyiasatan ke atas 1MDB ini. Najib selaku Perdana Menteri juga tidak pernah memberitahu saya terdapat apa-apa isu yang berlaku dalam 1MDB walaupun saya dilantik menjadi salah seorang ahli Lembaga Penasihat 1MDB.

"Saya juga tidak pernah bertanya Najib tentang kenapa tiada sebarang mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat 1MDB diadakan sepanjang tempoh saya menjawat jawatan itu," katanya.

Percabaran di hadapan Hakim Darat Collin Lawrence Sequerah bersambung esok.

UM - 8/6/2022 m/s: 6